

23/09/2002

Bajet - guru lebih bahagia

Ibrahim Saad

KALANGAN guru tentunya lebih bahagia dengan bajet yang dibentang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu. Pendidikan mendapat peruntukan hampir RM23 bilion atau 27 peratus daripada keseluruhan bajet. Satu kejutan dalam pembentangan bajet. Daripada peruntukan itu, selain daripada pemberian bonus sebulan gaji, guru mendapat tambahan di sekitar RM5,000 seorang. Tambahan berkenaan sangat bermakna kepada guru kerana mendapat pengiktirafan istimewa kerajaan terhadap profesion keguruan.

Kita percaya dengan peruntukan RM979 juta khas untuk pembelian komputer notebook, projektor LCD dan peralatan lain berkaitan itu, hampir setiap orang daripada 267,000 guru Kementerian Pendidikan negara ini akan dibekalkan dengan sebuah komputer notebook. Barangkali tidak ada mana-mana kerajaan yang begitu bermurah sanggup menyediakan notebook kepada setiap guru.

Kita berharap dengan setiap guru mempunyai notebook peribadi, anjakan dan perubahan besar akan dapat dilihat dengan jelas dalam kadar segera di kalangan guru iaitu daripada penggunaan teknologi kertas kepada ICT.

Misalnya, selepas ini guru tidak perlu lagi mempunyai buku ringkasan mengajar, warisan diamalkan sejak sebelum merdeka. Buku itu antara lain mengandungi ringkasan mengajar mingguan dan harian. Selain itu ia juga mempunyai maklumat seperti sukatan pelajaran dan perancangan mengajar tahunan. Sebahagian daripada kandungan itu, yang berpuluh muka tebalnya disiapkan dengan cara ditulis tangan pada setiap awal tahun manakala rancangan mengajar mingguan dibuat setiap minggu dan harian setiap hari. Semuanya dibuat secara manual walaupun sebahagian daripada kandungannya hanya perlu disalin semula daripada tahun-tahun lepas. Banyak masa dan tenaga terbuang.

Oleh yang demikian, kita berharap amalan yang boleh dianggap kuno itu dihapuskan sama sekali dengan semua bahan persediaan mengajar disiapkan dalam notebook yang tentunya lebih mudah, pantas, tepat dan kandungannya hanya perlu diubah suai sama ada untuk catatan harian, mingguan atau perancangan tahunan.

Guru tidak perlu lagi mencatat dalam buku tetapi menggunakan notebook. Bagaimanapun perkara ini hanya boleh menjadi kenyataan apabila mendapat kelulusan rasmi daripada Kementerian Pendidikan. Jika tidak ia akan dipertikaikan. Mungkin daripada Jemaah Nazir Persekutuan, pegawai dari PPD, JPN atau Kementerian Pendidikan sendiri yang membuat pemantauan. Dalam hal ini kita percaya Kementerian Pendidikan bukan saja akan bersetuju malah akan menyediakan model perisian yang boleh diaplikasikan oleh setiap guru, termasuk sistem on-line yang membolehkan pengetua atau guru besar dan pihak lain yang berkenaan membuat semakan secara berpusat bukan melalui notebook individu.

Perbelanjaan yang banyak dalam menyediakan peralatan seperti notebook seharusnya dimanfaatkan secara maksimum, termasuk untuk kemudahan guru.

Selain daripada kegunaan membuat perancangan mengajar, kita percaya guru dikehendaki menggunakan notebook yang diberi itu bagi membantu pengajaran dan pembelajaran supaya menjadi lebih berkesan. Penyediaan projektor LCD membolehkan guru menggunakan CD atau bahan yang disediakan dalam hard disk notebook sebagai ganti bentuk pengajaran konvensional, iaitu menggunakan papan tulis dan buku teks semata-mata.

Malah banyak lagi elemen boleh diperagakan yang semua memudahkan kerja

guru di samping keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya bank soalan, guru boleh membina soalan untuk digunakan, kemudian disimpan dan diubah suai untuk penggunaan berikutnya. Soalan yang dibina dari masa ke semasa itu dibankkan untuk kegunaan masa depan. Begitu juga dengan mempunyai jangkauan internet dan mengakses lab web tertentu, khususnya pendidikan membolehkan guru mempunyai pelbagai sumber untuk digunakan dalam pengajaran di bilik darjah.

Oleh yang demikian kita berharap pihak yang berkaitan di Kementerian Pendidikan dapat menyediakan garis panduan dan perisian tertentu untuk dimanfaatkan guru di samping tidak melupakan latihan tertentu supaya setiap guru mempunyai asas kemahiran untuk mereka memanfaatkan kemudahan yang disediakan. Guru sendiri hendaklah bersikap proaktif supaya mempunyai kemahiran yang diperlukan dengan belajar sendiri.

Kita tidak mahu cerita lama berulang apabila kebanyakan peralatan bercorak teknologi tidak dimanfaatkan sebaik mungkin di sekolah. Misalnya sewaktu OHP diperkenalkan dulu, di kebanyakan sekolah ia hanya menjadi bahan pameran atau sesetengahnya terus disimpan di dalam setor. Jika digunakan, barangkali dalam setahun cuma beberapa kali saja. Jelasnya di kebanyakan sekolah OHP amat jarang digunakan. Apakah perkara yang sama akan berlaku padai zaman notebook? Yang jelas notebook bukan kaku seperti OHP. Ia mempunyai banyak fungsi, termasuk untuk tujuan peribadi. Tentunya tidak logik untuk menghalang guru daripada menggunakan untuk tujuan peribadi, tetapi yang perlu diingatkan ialah hendaklah tidak mengabaikan penggunaan untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran sebagai menyahut era ICT.

Selain guru yang mendapat manfaat, satu pihak lagi yang terasa bahang bahagia melalui peruntukan RM979 juta itu ialah mereka yang terbabit dalam industri membuat dan membekalkan notebook dan projektor LCD. Apakah sudah ada syarikat yang mendapat anugerah membekalkan produk berkenaan? Walau apa pun kaedah yang dilaksanakan, kita berharap pihak yang terbabit akan menetapkan standard dan speh yang tidak boleh dilanggar dan dicero boh. Pembekalan komputer melalui skim KWSP harus dijadikan iktibar. Kita tidak mahu berlaku penyelewengan.

Jika jenama A yang dijanjikan, semua komponen walaupun sekecil huma adalah daripada jenama A bukan A-, X atau Y yang diciplakkan. Kalau sesebuah notebook ditaksirkan berharga RM5,000 biarlah produk yang dibekalkan setimpal dengan harga setelah mengambil kira margin keuntungan yang munasabah bukan terlalu berlebihan.

Perkara ini hendaklah dipastikan. Sememangnya pihak yang membekalkan produk mendapat untung. Itu adalah perkara wajar, tetapi bukan mengambil keuntungan berlipat ganda dengan menyediakan produk dan komponen yang langsung tidak bermutu. Jika berlaku, kita bukan saja membazirkan wang negara, tetapi kesan buruk yang akan diterima oleh pengguna, iaitu guru dan sekolah yang diminta menerima produk yang ditetapkan. Tidak bermakna jika notebook dibekalkan itu hanya dapat digunakan dengan sempurna dalam tempoh beberapa bulan saja. Selepas itu ia mula beragam dan berulang kali terpaksa dihantar untuk servis. Perkara ini amat perlu diberi perhatian oleh pihak yang diberi amanah dalam urusan menyediakan bekalan.